

08 MAR 2002

Mahkamah-Anwar/I

ANWAR SAMAN PM: MAHKAMAH RAYUAN AKAN PUTUSKAN KOS PADA 26 APRIL

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Mahkamah Rayuan di sini hari ini menetapkan 26 April ini sebagai tarikh untuk memutuskan jumlah kos yang perlu dibayar oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setelah beliau gagal dalam rayuannya untuk membatalkan saman RM100 juta terhadap perdana menteri.

Timbalan pendaftar Mahkamah Rayuan Mohd Nasir Yahya menanggukkan penghakimannya selepas mendengar penghujahan oleh peguam Dr Mahathir, Fazilah Mohamed Pilus dan peguam Karpal Singh yang mewakili Anwar, dalam kamar.

Dr Mahathir menuntut kos sebanyak RM152,755.

Pada 9 Dis, 2000, Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Dr. R.K. Nathan yang menolak saman Anwar terhadap Dr Mahathir, dengan kos.

Anwar memfailkan saman itu pada Januari 1999 dengan mendakwa bahawa Dr Mahathir telah berbohong dan berniat jahat apabila memberitahu satu sidang media di Jabatan Perdana Menteri bahawa dia (Anwar) telah melakukan perbuatan yang tidak bermoral.

Dr Mahathir dalam pembelaannya berkata beliau menyebut perkataan-perkataan itu dalam kedudukannya sebagai perdana menteri dengan perlindungan bersyarat.

Ini merupakan kali ketiga Anwar perlu membayar kos kepada Dr Mahathir bersabit dengan saman itu.

Pada 17 April tahun lepas, Anwar diarah membayar RM85,284.80 sebagai kos prosiding di Mahkamah Tinggi dan sejumlah RM18,489 lagi sebagai kos untuk prosiding di Mahkamah Persekutuan pada 6 Julai tahun lepas.

Pada 23 Feb tahun lepas, Mahkamah Persekutuan menolak permohonan Anwar dengan kos untuk kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi.

Anwar sedang menjalani hukuman penjara 15 tahun setelah didapati bersalah melakukan amalan rasuah dan liwat.

Perbicaraan kes rayuannya di Mahkamah Persekutuan terhadap sabitan dan tempoh hukuman penjara enam tahun kerana empat kesalahan rasuah, akan disambung pada 25 Mac ini.

-- BERNAMA

JA MFJ LAT